

PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT UMUM BERSEMPENA NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2025

Bersempena Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan (NBKK) 2025, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan tinjauan pendapat umum secara dalam talian pada 1 November hingga 30 November 2025 bagi mendapatkan pandangan masyarakat umum mengenai amalan nilai KASIH (Kasih Sayang, Akhlak, Sihat & Selamat, Berilmu, Harmoni) dalam institusi keluarga di Malaysia. Seramai 1,674 responden yang terdiri daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas telah terlibat dalam tinjauan ini.

TAHAP AMALAN NILAI KASIH DALAM INSTITUSI KELUARGA DI MALAYSIA



KASIH SAYANG

K1	Sentiasa meluangkan masa jika ahli keluarga ingin berbual atau berkongsi sesuatu.	66.9%
K2	Meluangkan masa melakukan aktiviti yang disukai ahli keluarga.	64.6%
K3	Memberikan pujian/galakan apabila terdapat ahli keluarga yang lebih muda melakukan kebaikan.	68.8%
K4	Mengutamakan keperluan ahli keluarga berbanding diri sendiri dalam keadaan tertentu.	63.4%
K5	Menyayangi setiap ahli keluarga secara adil / tanpa pilih kasih.	71.4%




AKHLAK

A1	Menggunakan bahasa yang sopan ketika bercakap dengan ahli keluarga.	60.0%
A2	Menekankan kepentingan menghormati orang lain kepada ahli keluarga yang lebih muda.	65.5%
A3	Menekankan kepentingan bersikap jujur dalam keluarga.	69.3%
A4	Menegur ahli keluarga sekiranya mereka melakukan perbuatan tidak sopan.	66.9%
A5	Memastikan tingkah laku saya mencerminkan teladan yang baik untuk ahli keluarga lain.	65.7%



SIHAT DAN SELAMAT

S1	Menyimpan ubatan asas di rumah untuk kegunaan keluarga.	62.4%
S2	Bersenam / beriadah bersama ahli keluarga.	43.8%
S3	Memastikan ahli keluarga mengambil makanan seimbang.	51.9%
S4	Peka terhadap isu keselamatan keluarga (contoh: penderaan, penculikan, ragut).	72.6%
S5	Peka terhadap penggunaan internet ahli keluarga bagi memastikan mereka tidak menjadi mangsa buli / penipuan siber.	64.0%




ILMU

I1	Terbuka untuk menerima dan mempelajari sesuatu perkara baharu.	68.3%
I2	Menekankan kepentingan pencapaian akademik kepada ahli keluarga yang lebih muda.	64.9%
I3	Menghadiri kuliah / forum / kursus pembangunan diri.	47.4%
I4	Memberi galakan kepada ahli keluarga untuk menyertai aktiviti atau program yang dapat meningkatkan ilmu.	63.7%
I5	Berkongsi pengetahuan baharu dengan ahli keluarga selepas membaca atau menghadiri program ilmu.	60.2%



HARMONI

H1	Meraikan hari istimewa (contoh: hari lahir, perayaan) bersama ahli keluarga.	67.3%
H2	Berbincang dengan ahli keluarga sebelum membuat keputusan berkaitan keluarga.	64.9%
H3	Memberi sokongan kepada ahli keluarga yang menghadapi masalah.	67.7%
H4	Mengekalkan suasana tenang walaupun berlaku perselisihan.	61.4%
H5	Sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur dalam keluarga.	66.9%



Untuk keterangan lanjut:

BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEPENDUDUKAN DAN KELUARGA
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
(Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

Terbitan: DISEMBER 2025

